

Metro 2/7/2011 15.

**SIMBOLIK...**rekaan  
bagaikan abstrak  
pelabuhan kapal.



## Mercu tanda seni bina dunia

**D**IBUKA kepada umum pada 19 Oktober 1997, Guggenheim Museum Bilbao, Sepanyol bagaikan mercu tanda seni bina dunia abad ke-20.

Muzium itu dijangka muncul sebagai pusat seni moden dan kontemporari dengan perencanaan program untuk penonton seluruh dunia.

Ia juga mengajak masyarakat dunia mentafsir seni yang mewakili masa, memupuk pendidikan seni dan pengetahuan berkenaan seni selain melengkapkan koleksi Solomon R. Guggenheim Foundation.


Guggenheim Museum Bilbao juga membabitkan koleksi galeri blok perumahan, auditorium, restoran, kedai muzium dan pejabat pentadbiran.

Berlatarkan bumbung yang tinggi dan binaan bagi bunga-bunga logam, muzium itu tampil hebat kerana menyerikan bahagian tepi sungai dengan gerbang menakjubkan di bandar itu.

Binaannya juga dilihat satu inisiatif yang paling penting untuk memenuhi cabaran Kesatuan Eropah dan tahun 2000.

Dari awal, seni bina bangunan itu sudah pun diiktiraf sebagai faktor penentu dalam membuat projek mercu tanda antarabangsa dengan kecemerlangan rekaannya.

**UNIK...**binaan  
unggul jadi  
mercu tanda.



**GAGAH...**  
material logam  
inspirasi  
binaan moden  
kontemporari.



**MEMUKAU...**  
keunikan Guggenheim  
Museum Bilbao dari  
udara.



Pendekatan ini meneruskan tradisi yang dimulakan dengan Solomon R Guggenheim Foundation apabila ia ditauliahkan Frank Lloyd Wright untuk reka bentuk muzium asal di Avenue Kelima, New York.

Frank O Gehry pula diamanahkan mereka bentuk Guggenheim Museum Bilbao dan sebahagian besar konsep itu mencerminkan potensi besar projek pembinaan bangunan.

Ia sekali gus mengintegrasikan Bandar Bilbao merentasi pelan pemulihan berterusan bandar.

Sementara Philip Johnson pula menggelarkan Guggenheim Museum Bilbao itu sebagai

'bangunan terhebat masa kami.'

Ia menghimpunkan elemen-elemen ekspresi yang mengubah peranan seni bina dan ruang biasa.

Struktur monumen organik baru diketengahkan dengan penggunaan logam kukuh yang mampu bertahan dan tersergam indah.

Binaan arca besar bagaikan menyerupai Gehry itu dibina unik dan menarik perhatian dari pelbagai sudut dengan simbahan bayang-bayang luar biasa serta terang.

Rekaan yang turut dinobatkan sebagai kubah logam itu turut memperlihatkan perincian arki-

tektur unik dengan penjajaran bentuk melengkung dilitupi titanium dan dinding kaca yang besar.

Malah, sistem laluan pejalan kaki melengkung, lif kaca dan tangga yang menghubungkan 19 galeri kombinasi klasik selain ruang berbentuk segi empat tepat.

Kekayaan dan kepelbagaian ruang menjadikan muzium itu serba lengkap dengan dimensi menakjubkan.

'Abstrak pelabuhan kapal' itu tentunya mempamerkan kesan kekal warisan budaya di bandar itu dengan imej terbaik perantaraan seni bina masa kini.